



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**9 November 2023
25 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Projek akuakultur di tanah terbiar• Cuaca tidak menentu punca ikan mahal
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Harga ikan dah naik dulu
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		

Projek akuakultur di tanah terbiar

JASIN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengenal pasti kawasan tanah terbiar milik persatuan nelayan di seluruh negara untuk dibangunkan sebagai projek ternakan akuakultur.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha itu bagi meningkatkan keupayaan akuakultur dalam membekalkan sumber protein, sekali gus menyokong program keterjaminan makanan pada masa depan.

Kata beliau, antara lokasi yang telah dikenal pasti dan sedang dinaik taraf adalah Bukit Malut dan Pantai Merdeka, Kedah; Badong, Pahang dan Juru, Pulau Pinang.

"Kita menyahut seruan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menetapkan sasaran hasil ikan daripada aktiviti akuakultur mencapai 60 peratus Tahap Sara Diri (SSL). Jadi kita akan meng-



MUHAMMAD Faiz Fadzil (empat dari kiri) menunjukkan udang putih yang ditanam di tapak projek ternakan udang dalam kolam fasa dua di Kampung Sebatu, Sungai Rambai, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

gerakkan semua aset yang ada termasuk kolam ternakan yang sebelum ini terbiar untuk segera

diusahakan.

"Kita juga mahu pastikan persatuan nelayan di bawah LKIM

mempunyai produk perikanan sendiri. Oleh itu mana-mana persatuan nelayan negeri yang memiliki aset (tanah), kita akan pastikan mereka terlibat," katanya dalam sidang akhbar Majlis Perasmian Program Juara MyAqua' Best di sini, hari ini.

Tambah Muhammad Faiz LKIM memperuntukkan kira-kira RM5 juta bagi tujuan tersebut dengan beberapa lagi lokasi telah dikenal pasti.

Menurutnya, projek itu turut melibatkan pembiayaan daripada pihak swasta dan persatuan nelayan di kawasan terlibat.

"Kos setiap kawasan adalah berbeza. Contohnya kita salurkan RM1.4 juta untuk projek di Badong bagi pembelian kolam kanvas sementara Persatuan Nelayar Kebangsaan (Nekmat) mengeluarkan kos RM3 juta antaranya untuk membeli peralatan, benih dan kos rawatan air," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA	↗	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	33	7/11/2023

Cuaca tidak menentu punca ikan mahal

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF
utusannews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Harga beberapa jenis ikan di beberapa lokasi di bandar raya ini meningkat antara RM3 sehingga RM5 sekilogram (kg) sejak awal minggu ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Cabang Tiga di sini mendapati harga ikan seperti selayang naik daripada RM6 kepada RM10 setiap kg manakala kembong daripada RM17 kepada RM20 setiap kg.

Seorang peniaga, Abdul Rahman Ali, 40, mendakwa pening-

katan itu disebabkan cuaca yang tidak menentu ekoran peralihan fasa monsun timur laut (MTL).

Beliau berkata, beberapa jenis ikan seperti ikan selar turut naik kepada RM20 berbanding RM16/kg minggu lalu selain ikan kerisi daripada RM13 kepada RM18/kg.

"Harga ikan kini menunjukkan trend naik disebabkan laut sudah mula bergelora akibat peralihan fasa MTL, walaupun nelayan masih turun ke laut, bekalan berkurang.

"Situasi itu mendorong kenaikan harga ikan sejak dua atau tiga hari lalu termasuk ikan cencaru (RM12/kg) dan pelaling

(RM15/kg) tetapi ikan tongkol masih rendah, RM10/kg.

"Dari segi sambutan pula agak dingin apabila hasil jualan merudum 50 peratus meskipun kualiti hasil laut di pasar basah merupakan yang terbaik dan segar," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan di Pasar Batu Enam dekat Kuala Nerus pula mendapati harga ikan naik 15 peratus antaranya ikan pelaling (RM16/kg), kembung (RM19/kg) dan selayang RM11/kg.

Seorang peniaga, Abdul Halim Mat, 47, berkata, harga ikan dijangka terus meningkat sepanjang bulan ini.



ABDUL Rahman Ali menyusun ikan segar yang dijual sambil menunggu pelanggan di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI/TENGGU YUSOFF

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	19	9/11/2023

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

MUSIM MONSUN TIMUR LAUT

Kuala Terengganu

Harga ikan dah naik dulu

Biarpun musim Monsun Timur Laut (MTL) belum tiba, namun harga beberapa jenis ikan sudah mula naik mendadak sejak awal minggu ini.

Tinjauan di Pasar Cabang Tiga, di sini, mendapati kalangan peniaga mendakwa ikan kembung dan ikan selar naik mencecah RM20 sekilogram (kg) berbanding RM15 sekilogram sebelum ini.

Seorang peniaga, Abdul Rahman Ali, 44, berkata, harga ikan kerisi dijual RM18 sekilogram berbanding RM13 hingga RM14 kg bergantung pada saiz tiga hari lalu.

Menurutnya, dia bukan sesuka hati menaikkan harga ikan sebaliknya memperoleh bekalan pada harga tinggi daripada pembekal.

"Sebelum ini ikan selar yang dijual antara RM6 hingga RM7 sekilogram,

namun hari ini (semalam) naik kepada RM10 sekilogram.

"Harga sotong juga berlaku kenaikan daripada RM32 kepada RM38 sekilogram. Bagaimanapun, ikan aya (tongkol) masih lagi stabil antara RM8 hingga RM10 sekilogram.

"Kenaikan harga ikan berlaku berikutan kita menghampiri MTL dan bekalan ikan semakin berkurangan," katanya ketika ditemui di pasar, semalam.

"Apabila tibanya MTL, kebanyakan nelayan bot kecil tidak dapat ke laut menangkap ikan sekali gus berlaku kekurangan bekalan ikan"



TINJAUAN jualan ikan yang ditawarkan peniaga di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu.

Abdul Rahman berkata, ikan yang diperoleh juga adalah ikan segar dan bersaiz besar manakala harga yang dijual juga mengikut saiz.

Seorang lagi peniaga ikan, Zakaria Abdullah, 40, berkata, berlaku kenaikan harga ikan yang dipercayai berpunca daripada kekurangan bekalan.

Menurutnya, peniaga menjangkakan akan berlaku kemasukan ikan sejuk beku diimport dari negara jiran selepas nelayan tempatan tidak dapat turun ke laut.

"Apabila tibanya MTL, kebanyakan nelayan bot kecil tidak dapat ke laut menangkap ikan, sekali gus berlaku kekurangan bekalan ikan.

"Zami sudah pun mersai kenaikan harga ikan daripada pembekal mulai minggu ini," katanya.